



SIARAN MEDIA

INSIDEN DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN TIDAK BERKAITAN DENGAN PROJEK MRT

Kuala Lumpur, 23 November 2014: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin membuat kenyataan mengenai satu isu yang semakin mendapat perhatian di dalam media sosial dalam 24 jam yang lalu.

Satu insiden telah berlaku di sebuah tapak pembinaan di Lebuhraya Persekutuan berhampiran Subang Jaya, dan telah dikaitkan dengan laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK) iaitu sebahagian daripada projek MRT Lembah Klang (KVMRT).

Laluan SBK tidak melalui Subang Jaya mahupun Lebuhraya Persekutuan. Ini bereti insiden tersebut tiada kaitan langsung dengan laluan SBK dan projek KVMRT.

Kami faham mengenai kegusaran orang awam mengenai insiden tersebut, namun menyeru semua pihak agar bertanggungjawab dalam penyebaran berita dan maklumat yang tidak disahkan kesahihannya.

Sebarang pertanyaan mengenai insiden tersebut harus diajukan kepada pemilik projek tersebut atau pun pemilik konsesi Lebuhraya Persekutuan.

Terima kasih kerana memahami mengapa isu ini amat sensitif. Kami sekali lagi menganjurkan agar semua pihak melaporkan insiden sedemikian di dalam media sosial mereka dengan sikap tanggung jawab. Kemaskini media sosial yang disalah ertikan dan berniat jahat boleh merosakkan keyakinan orang awam terhadap projek KVMRT.

MRT Corp sentiasa telus dalam berurusan dengan pihak awam, dan akan mengumumkan semua maklumat seawal yang mungkin. Kami akan terus menggunakan pendekatan ini untuk memastikan ketelusan berada ditahap tertinggi, dan orang awam akan sentiasa menerima maklumat terkini seawal mungkin.

Terima kasih.

AMIR MAHMOOD RAZAK

Pengarah

Komunikasi Strategik & Perhubungan Awam